



MAJLIS  
PROFESOR  
NEGARA

*Pemikir Negara*

# Buletin Pemikir Negara

Edisi Pertama • Mei-Ogos 2017

www.majlisprofesor.my f MajlisProfesor majlisprofesornegara



*Wawancara Eksklusif Bersama Pengerusi Majlis Profesor Negara (MPN),  
Professor Tan Sri Zakri Abdul Hamid*

## “MPN Tekad Lebih Responsif dan Inklusif,,

### **Boleh Tan Sri mengimbuai kembali sejarah penubuhan Majlis Profesor Negara pada 1 April 2010?**

Ketika MPN ditubuhkan pada 2010, Malaysia pada ketika itu sedang melangkah untuk mentransformasikan ekonominya berasaskan kepada kreativiti dan inovasi. Jika kita masih ingat, pada tahun itu jugalah, Model Baharu Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan oleh YAB. Perdana Menteri. Inisiatif ini sudah tentunya memerlukan sumbangan ahli akademik dan kumpulan intelektual yang dapat menajana dan menyumbang pemikiran ke hadapan dalam membantu kerajaan dan negara. Oleh kerana itu jugalah, apabila MPN ditubuhkan, kita meletakkan status



para profesor di negara sebagai Pemikir Negara, iaitu bukan sekadar ahli akademik biasa yang hanya tertumpu kepada aktiviti rutin seperti penyelidikan dan penerbitan. Sebaliknya, peranan profesor sebagai Pemikir Negara ini mendepani usaha advokasi dan pendidikan awam yang dapat mempengaruhi dasar dan polisi kerajaan selain membentuk pemikiran rakyat.

### **MPN telah pun berusia tujuh tahun pada April 2017 lalu. Bagaimana Tan Sri melihat pencapaian MPN setakat ini?**

Alhamdulillah, selepas tujuh tahun MPN ditubuhkan, saya secara peribadi melihat peranan dan sumbangan profesor menjadi lebih berkesan. Jika sebelum ini para profesor bergerak bersendirian

atau *in silo*, namun, dengan adanya MPN, mereka disatukan di bawah satu bumbung atau *vehicle* yang memungkinkan mereka menyumbang dengan lebih bermakna. Saya percaya, untuk menghimpunkan para profesor dari pelbagai latar belakang kepakaran, bukanlah satu usaha yang mudah, tetapi ia dapat dilakukan sepertimana yang MPN lakukan sekarang. Kini, MPN telah mempunyai 14 kluster dan dua projek khas nasional. Malah, MPN telah pun memperkenalkan Majlis Profesor Universiti (MPU) yang mempunyai struktur atau *chapter* di universiti masing-masing. Ini semua bertujuan memudahkan para profesor memberi sumbangan kepakaran mereka dalam pelbagai peringkat.

*Selanjutnya di muka surat 3 >>*



**10** | Ilmuwan Menimba Pengalaman Sambil Berkhidmat di Sabah

**13** | Supporting TN50

**14** | MPN Memimpin Wawasan Pembangunan Geopark di Asia Tenggara

# Perubahan 'Mindset' dalam Pembiayaan Pendidikan Tinggi

Oleh: Prof. Madya Dr. Russayani Ismail

Sejak penubuhan PTPTN pada 1997, seramai lebih dua juta pelajar telah mendapat faedah melalui pembiayaan yang disediakan pada kadar yang begitu rendah. Matlamat asal penubuhan PTPTN yang bertujuan menyediakan akses pendidikan tinggi terutama kepada pelajar yang datang daripada golongan berpendapatan rendah telah terbukti berjaya dicapai, dimana hampir keseluruhan mereka yang memohon dan tergolong dalam kumpulan ini samada di IPTA dan IPTS telah mendapat kemudahan pembiayaan tersebut. Kaedah pembiayaan pelajar melalui pinjaman atau 'student loans' walaupun mendapat banyak kritikan, tetapi ia adalah satu kaedah pembiayaan pelajar yang praktikal terutamanya apabila jumlah pelajar yang memasuki pengajian tinggi semakin bertambah dan kos pendidikan yang semakin meningkat.

Kelestarian pembiayaan amat bergantung kepada keupayaan PTPTN untuk mengutip semula jumlah pinjaman serta meminimumkan subsidi melalui kadar pinjaman yang diberikan. Memandangkan PTPTN terpaksa meminjam daripada institusi kewangan yang lain pada kadar pinjaman antara 3 peratus hingga 7 peratus bagi mengisi tabung yang sentiasa berkurangan, maka kadar ujah 1 peratus yang dikenakan kepada pelajar adalah terlalu rendah. Kegagalan graduan untuk membayar balik pinjaman mengikut jadual serta sebahagian pelajar yang terus menghilangkan diri, menyumbang kepada masalah kritikal yang dihadapi oleh PTPTN.

Terdapat seramai 1.3 juta peminjam yang berusaha membayar dan mereka ini seharusnya mendapat pujian kerana menerusi bayaran tersebut membolehkan generasi pelajar

yang seterusnya mendapat faedah. Namun begitu seramai 600 ribu graduan gagal untuk menghubungi PTPTN dan berunding untuk membuat bayaran balik. PTPTN terpaksa melaksanakan pelbagai kaedah kutipan semula, termasuk memudahcara bayaran balik melalui kaunter bank, bayaran secara online serta melalui kaunter-kaunter PTPTN di setiap negeri. Apabila kaedah-kaedah ini didapati kurang berkesan, maka langkah yang lebih drastik seperti disenarai hitam dan sekatan keluar negara dilaksanakan. Kaedah ini, walaupun mampu meningkatkan kadar kutipan balik tetapi memberi imej yang negatif kepada PTPTN dan menandatangani kemudaratan terutamanya kepada graduan yang gagal mendapat pekerjaan atau bekerja dengan gaji yang minimum.

Persoalan pokok yang perlu diperhalusi sekarang adalah bagaimana membentuk satu sistem pinjaman pelajar yang lestari dan juga 'equitable' atau lebih samarata. Kelestarian PTPTN sudah tentu bergantung kepada kebolehan mengutip balik pinjaman dan juga mengurangkan perbezaan kadar pinjaman (antara kadar pinjaman PTPTN dari institusi kewangan dan kadar yang dikenakan kepada pelajar). Pelajar apabila meminjam, mereka tidak mengetahui apakah pelaburan dalam pendidikan mereka akan mendapat keuntungan di kemudian hari menerusi gaji atau pendapatan yang lebih tinggi. Pelaburan mereka ini juga berisiko seperti pelaburan-pelaburan yang lain. Jadi bagaimana mengimbangi antara kelestarian dan 'fairness'? Di Australia umpamanya, telah diperkenalkan 'Income Contingent Loan'.

Melalui kaedah ini pelajar akan hanya membayar balik pinjaman apabila pendapatan mereka



telah mencapai satu tahap atau 'threshold'. Agensi kutipan hasil iaitu *Australian Inland Revenue* mempunyai maklumat lengkap mengenai pendapatan graduan dan bayaran balik pinjaman dibuat melalui agensi ini. Sistem ini telah menunjukkan penjimatan kos mengutip balik pinjaman yang sangat ketara. Sistem yang sama juga boleh diwujudkan di Malaysia dengan kerjasama Lembaga Hasil dan juga KWSP (iaitu agensi yang mempunyai maklumat berkaitan pendapatan).

Langkah PTPTN mewujudkan skim tabungan berserta insentif tertentu adalah langkah bijak. Adalah diharapkan agar rakyat Malaysia akan meningkatkan usaha untuk menabung bagi tujuan pendidikan dan pada masa hadapan 'pinjaman' hanya dilihat sebagai 'last resort'. Akhir sekali, pelajar dan graduan harus sedar bahawa setiap pinjaman perlu di bayar balik bagi membolehkan generasi yang akan datang mendapat peluang pendidikan. Perubahan 'Mindset' ini adalah perlu apatah lagi dalam konteks Malaysia menuju negara maju.



**Penulis ialah Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Negara (PenDaPaT).**